

## KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Muka Surat</b>
	Mukadimah GPMS	2
1	Nama	2
2	Alamat Tempat Urusan	2
3	Logo, Lagu, dan Motto	3
4	Dasar	4
5	Tujuan	4
6	Kuasa Pertubuhan GPMS	5
7	Keahlian	5-6
8	Permohonan Menjadi Ahli	6
9	Bayaran Yuran	7
10	Hak Ahli	8
11	Pemberhentian dan Pemecatan Ahli	8-9
12	Susunan Pentadbiran	9
13	Persidangan Agung Tahunan GPMS	10-11
14	Persidangan Agung Khas	12
15	Majlis Tertinggi	12-14
16	Tugas Pemegang Jawatan Majlis Tertinggi	14-15
17	Penubuhan dan Pembubaran Cawangan	15-16
18	Mesyuarat Agung Tahunan Negeri	16-17
19	Mesyuarat Agung Khas Negeri	18
20	Jawatankuasa Negeri	18-19
21	Tugas Pemegang Jawatan Jawatankuasa Negeri	20
22	Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan	21
23	Mesyuarat Agung Khas Cawangan	22
24	Jawatankuasa Cawangan	22-23
25	Tugas Pemegang Jawatan Jawatankuasa Cawangan	24
26	Pemegang Jawatan	24
27	Kewangan GPMS	24-26
28	Pemeriksa Kira-kira	26-27
29	Pentadbir Harta	27
30	Tafsiran Undang-undang	27
31	Larangan	27-28
32	Pindaan Undang-undang	28
33	Pengeluaran Notis Mesyuarat	28
34	Disiplin	28-29
35	Penaung dan Penasihat	29
36	Pembubaran	29
37	Cawangan Khas	29

**PERLEMBAGAAN  
GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS)**

**MUKADIMAH GPMS**

KAMI pelajar Melayu yang dijemput oleh Jawatan Kuasa Sementara GPMS untuk menghadiri Persidangan Penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung di Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948 ;

- SEDAR - atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar-pelajar Melayu Semenanjung Tanah Melayu**
- SEDAR - akan kemunduran kami di alam pengetahuan**
- SEDAR - atas kewajipan kami untuk meningkatkan darjat pengetahuan bangsa**
- SEDAR - bahawa maju-mundur, kaya-miskin dan hina-mulianya bangsa itu di tangan kami**

BERPENDAPAT bahawa GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG wajiblah didirikan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu dari segenap lapisan.

**1. NAMA**

- 1.1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS). Selepas ini disebut sebagai 'Pertubuhan' atau 'GPMS'.
- 1.2. Nama pertubuhan ini di dalam bahasa Inggeris ialah Federation of Malay Students' Society, Semenanjung. Nama dalam bahasa Inggeris akan dipakai dalam perhubungan di peringkat antarabangsa.

**2. ALAMAT TEMPAT URUSAN**

- 2.1 Alamat tempat urusan ialah di No. 1, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur atau di tempat lain yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Majlis Tertinggi. Tempat urusan berdaftar GPMS tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- 2.2 Alamat tempat urusan GPMS adalah bagi Ibu Pejabat GPMS.

### 3. LOGO, LAGU DAN MOTTO



- 3.1 Logo GPMS adalah berbentuk perisai berwarna hijau yang mempunyai peta Semenanjung Malaysia berwarna putih dan tangan yang memegang obor api merah di bahagian tengahnya. Di bahagian bawah terdapat nama GPMS iaitu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.
- 3.2 Warna putih bermaksud kesucian dan kemurnian hati manakala warna merah menggambarkan kebenaran dan keberanian. Warna hijau menunjukkan kepulauan dan Nusantara Bangsa Melayu yang subur dan kaya-raya.
- 3.3 Tangan bermaksud penyatuan dan keazaman.
- 3.4 Obor api menandakan kepentingan ilmu dan pengetahuan dan pelajaran dalam mengangkat kemuliaan bangsa. Lidah api pecah enam menunjukkan Rukun Iman dan keimanan manakala pecahan cahaya lima membayangkan Rukun Islam. Peta Semenanjung menunjukkan gerakan pelajar-pelajar Melayu di Semenanjung Malaysia.
- 3.5 Dengan sepotong ayat lambang GPMS bermakna :

Dengan hati yang suci murni, kami Pelajar Melayu Semenanjung Tanah Melayu bersatu berdasarkan kelislaman dan kebangsaan, berjuang dengan berani kerana benar, untuk meningkatkan darjat pengetahuan bangsa sebagai syarat untuk mencapai kemuliaan bangsa Melayu.

- 3.6 Lirik Lagu Rasmi GPMS :

Timbulnya Gabungan Pelajar Melayu  
Setelah menempuh halangan  
Bahagia hendaknya memimpin pelajar  
Bagi ibu kandungan

Kekal berpanjangan, khidmat mulia  
Dengan tulus dan setia  
Cekal bersatu lambang kita  
Menuntut hingga berjaya (Ulang 2 kali)

Ciptaan : Allahyarham Yub Rawan

- 3.7 Motto atau Cogankata ialah 'Belajar Terus Belajar'

#### 4. DASAR

- 4.1. GPMS berdasarkan pelajaran, pendidikan dan bekerjasama dengan badan-badan yang berusaha meninggikan taraf pendidikan dan masyarakat sesuai dengan kemajuan semasa.

#### 5. TUJUAN

- 5.1. GPMS menggabungkan dan mewakili badan-badan pelajar Melayu di Semenanjung Malaysia.

Meninggikan darjat ilmu pengetahuan dalam segenap bidang berteraskan prinsip ilmu dan taqwa.

- 5.2. Menjaga dan memartabatkan kesucian agama Islam, kebudayaan dan kesenian Melayu.
- 5.3. Menjaga dan memperjuangkan hak-hak kepentingan pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia.
- 5.4. Berusaha dan berikhtiar serta mengambil langkah-langkah perlu dalam membantu pelajar-pelajar Melayu yang mundur atau tidak mampu melanjutkan pelajaran.
- 5.5. Berusaha dan berikhtiar mendapatkan peluang serta meluaskan peluang bagi pelajar-pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- 5.6. Bekerjasama atau bergabung dengan mana-mana pertubuhan sama ada pertubuhan itu merupakan pertubuhan pelajar atau bekas pelajar atau pertubuhan lain yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang termasuk di bawah Akta Pertubuhan 1996 di dalam negara atau luar negara yang boleh membawa manfaat kepada matlamat dan tujuan GPMS.
- 5.7. Mewujudkan hubungan kerjasama dan jalinan maklumat (information network) di kalangan para pelajar dan bekas pelajar bagi mempertingkatkan penglibatan dan sumbangan mereka dalam mencapai kecemerlangan pendidikan dan matlamat Wawasan negara.
- 5.8. Mengadakan aktiviti-aktiviti pelajaran dan pendidikan termasuk diskusi, ceramah, seminar, latihan, kebudayaan, kesukanan, keagamaan, penerangan, kaunseling dan motivasi dalam menyediakan pelajar dan masyarakat yang mampan, berilmu, beriman, bertaqwa sebagai persediaan membentuk generasi pelapis kepada kepimpinan negara.
- 5.9. Menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan dalam menjaya dan melaksanakan dasar-dasarnya yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan selaras dengan Dasar Pendidikan Negara.
- 5.10. Mengembang, menggalak dan menimbulkan kesedaran pendidikan berpersatuan kepada para pelajar di sekolah bagi melahirkan generasi pemimpin di peringkat muda dalam bentuk kegiatan luar darjah dengan mendapat kebenaran Kementerian Pelajaran terlebih dahulu.
- 5.11. Menjadi badan penasihat dan pemberi bimbingan kepada ahli-ahli dalam mengatasi masalah yang berkaitan dengan pelajaran dan pendidikan.

## 6. KUASA PERTUBUHAN GPMS

- 6.1. Menubuhkan Yayasan Pendidikan GPMS bagi membantu kebajikan pelajar-pelajar Melayu.
- 6.1A. **Menubuhkan koperasi bagi manfaat GPMS dan ahli-ahlinya**
- 6.2. Menerima bantuan, tajaan, sumbangan, derma atau geran dari mana-mana pihak sama ada kerajaan, korporat atau individu bagi menjalankan aktiviti GPMS.
- 6.3. Mengadakan kutipan derma dari pihak awam jika perlu dengan mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- 6.4. Menderma, memberi sumbangan, mengeluarkan atau membelanjakan wang dengan apa jua cara yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi.
- 6.5. Mencetak, menerbit, mengedar sebarang penerbitan, majalah, artikel, buku yang berkaitan dengan kegiatan GPMS dengan syarat mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.
- 6.6. Memiliki, menjual, membeli, menyewa atau memajak harta alih dan tak alih ; membuat sebarang pelaburan ke atas harta-harta tersebut, atau dalam bon-bon dan saham yang dibenarkan ; menubuhkan syarikat perniagaan dan membuat pelaburan modal perniagaan, menubuhkan konsortium, koperasi ; meminjam dari institusi kewangan berdaftar ; membuat urusan niaga dan memeterai sebarang kontrak atau tender ; menerima sumbangan, bantuan, dana dari pihak kerajaan atau swasta ; dengan syarat hasil semua aktiviti ini hanya digunakan untuk kemajuan GPMS.
- 6.7. Menubuhkan institusi bimbingan akademik bagi membantu ahli-ahli dengan syarat mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.
- 6.8. Mengadakan majlis-majlis sosial seperti jamuan tahunan, perjumpaan, konferensi, seminar, pameran serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan tujuan GPMS yang mana membolehkan GPMS mencari sumbangan kewangan secara terhad.

## 7. KEAHLIAN

### 7.1. **Keahlian GPMS terbahagi kepada empat (4) kategori:**

#### 7.1.1. Ahli Biasa :

- a) Pelajar Melayu warganegara Malaysia yang berumur **tidak kurang 15 tahun dan tidak lebih 40 tahun** yang tidak menjadi ahli mana-mana badan gabungan yang bergabung dengan GPMS. Mereka yang berumur kurang dari **15 tahun** boleh menjadi ahli dengan syarat hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu.
- b) Individu Melayu warganegara Malaysia yang berumur **tidak kurang 15 tahun dan tidak lebih 40 tahun** yang berminat dalam aktiviti GPMS.

#### 7.1.2. Ahli Gabungan :

- a) Badan-badan pelajar Melayu termasuk di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi kerajaan atau swasta termasuklah kolej-kolej akademik dan maktab perguruan yang mana kesemua ahlinya adalah terdiri dari pelajar hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari **kementerian atau mana-mana pihak yang mentadbir-selia atau mengawal institusi di mana badan berkenaan berada**
- b) Badan-badan atau pertubuhan bekas pelajar yang berdaftar di bawah **Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.**
- c) Pertubuhan cawangan badan-badan pelajar Melayu yang berdaftar **di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.**

#### 7.1.3. Ahli Bersekutu :

- a) Terbuka kepada badan-badan atau pertubuhan berdaftar yang bukan pertubuhan bekas pelajar atau yang berkaitan dengan pelajar yang berminat dan prihatin terhadap kepentingan dan kebajikan pelajar Melayu.

#### 7.1.4. Ahli Kehormat :

- a) Terbuka kepada individu Melayu yang prihatin dan ingin membantu dan bekerjasama dengan GPMS dalam mendaulatkan kepentingan pendidikan dan pelajaran di kalangan pelajar-pelajar Melayu.
- b) Ahli Kehormat dibuat secara jemputan atau lantikan oleh Majlis Tertinggi.
- c) **Ahli Biasa yang melebihi had umur 40 tahun yang telah mendaftar sebagai Ahli Biasa sebelum mencapai umur 40 tahun.**

### 8. PERMOHONAN MENJADI AHLI

8.1. Tiap-tiap permohonan menjadi Ahli Biasa dan Seumur Hidup hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Cawangan di mana pemohon tersebut ingin menjadi ahli. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan ahli baru. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Cawangan untuk diluluskan oleh Majlis Tertinggi. Majlis Tertinggi boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab-sebabnya.

8.2. Tiap-tiap permohonan menjadi Ahli Gabungan dan Ahli Bersekutu hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung secara bertulis. Setiausaha Agung hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Majlis Tertinggi untuk diluluskan. Majlis Tertinggi boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab-sebabnya.

8.3. Keahlian Ahli Kehormat adalah secara lantikan oleh Majlis Tertinggi.

8.4. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan hendaklah membayar yuran-yuran sepertimana di Fasal 9.1 dan berhaklah mereka menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh GPMS mengikut peruntukan Perlembagaan GPMS.

## 9. BAYARAN YURAN

### 9.1. Yuran Keahlian.

- i. Ahli Biasa  
Untuk kategori Ahli Biasa, setiap individu dikehendaki membayar yuran keahlian sebanyak RM10.00 sekali gus.
- ii. Ahli Gabungan

Yuran Pendaftaran	:	RM 100.00
Yuran Tahunan	:	RM 50.00
- iii. Ahli Bersekutu

Yuran Pendaftaran	:	RM 100.00
Yuran Tahunan	:	RM 50.00
- iv. Ahli Kehormat tidak dikenakan sebarang yuran

9.2. Bayaran yuran keahlian untuk Ahli Biasa hendaklah dibayar semasa permohonan dibuat melalui cawangan masing-masing.

9.3. Bayaran yuran masuk dan yuran tahunan pertama Ahli Gabungan dan Ahli Bersekutu hendaklah dibayar setelah permohonan menjadi ahli diluluskan. Bayaran yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Majlis Tertinggi tidak lewat dari bulan Mac setiap tahun. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Gabungan dan Ahli Bersekutu untuk membayar yuran masing-masing tanpa sebarang notis atau peringatan dari GPMS.

9.4. Bayaran yuran bagi ahli baru adalah mengikut tempoh tahun kalendar. Sekiranya ahli baru menjadi ahli pada tahun yuran ahli yang dibayar itu dianggap yuran ahli bagi tahun semasa.

9.5. Ahli yang gagal membayar yuran selama enam (6) bulan bagi tahun semasa di mana yurannya perlu dibayar mengikut Fasal 9.1. dengan sendirinya hilang hak keahliannya. Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Cawangan mempunyai kuasa menetapkan bayaran masuk semula bagi ahli-ahli yang terlucut disebabkan yuran.

9.6. Tertakluk kepada Fasal 9.1, untuk menentukan seseorang ahli layak untuk hadir dan mempunyai hak untuk mengundi dan diundi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Ahli yang membayar yuran sebelum atau pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan sahaja layak untuk mengundi dan diundi. Ahli yang lewat membayar yuran tahunan mengikut Fasal ini tidak layak mengundi dan diundi tetapi hanya layak menjadi pemerhati sahaja.

9.7. Kutipan khas daripada ahli bagi tujuan tertentu boleh dibuat dengan persetujuan Persidangan Agung di peringkat kebangsaan.

## 10. HAK AHLI

- 10.1. Tertakluk kepada Fasal 9.2, 9.3 dan 9.4, hanya ahli yang membayar yuran adalah berhak untuk menikmati kemudahan GPMS serta berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung, mengundi dan diundi bagi memegang jawatan dalam GPMS.
- 10.2. Hanya Ahli Biasa dan Ahli Gabungan sahaja berhak mengundi dan diundi. Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat tidak berhak mengundi dan diundi tetapi boleh dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan. Ahli yang kurang dari 18 tahun layak untuk menjadi perwakilan dan mengundi tetapi tidak boleh memegang jawatan dalam GPMS.
- 10.3. **Ahli Gabungan dan Bersekutu berhak setakat menghadiri mana-mana Persidangan Agung Tahunan dan/atau Persidangan Agung Khas sebagai perwakilan dan mengundi tetapi tidak berhak diundi.**
- 10.4. **Ahli Kehormat berhak untuk menghadiri mana-mana Persidangan Agung Tahunan dan/atau Persidangan Agung Khas setakat bertaraf pemerhati dan tidak berhak mengundi dan diundi.**

## **11. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

- 11.1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli GPMS hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan membayar segala hutangnya.
- 11.2. Ahli yang gagal membayar yuran seperti di Fasal 9.1 akan terlucut keahliannya.
- 11.3. Mana-mana Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu yang terbatal pendaftarannya mengikut mana-mana undang yang berkuatkuasa akan terlucut keahliannya dan hendaklah memohon semula untuk menjadi ahli mengikut Fasal 8.2. tetapi dikecualikan dari membayar yuran masuk.
- 11.4. Mana-mana ahli yang disabitkan dengan kesalahan undang-undang negara secara automatik ter gugur keahliannya. Sekiranya terdapat ahli yang muflis, dengan sengaja atau tanpa pengetahuan GPMS menjadi perwakilan, maka hak undinya pada tempoh di mana ia disabitkan sebagai muflis tidak diambil kira walaupun ia sudah menjadi perwakilan. Pembatalan hak undi perwakilan yang muflis tidak akan menjejaskan keputusan sebarang Persidangan Agung atau Mesyuarat Agung. Dalam keadaan di mana ahli yang muflis memegang jawatan dalam GPMS, maka hak dan kuasanya akan terlucut serta-merta apabila ia disabitkan. Ahli yang muflis hanya layak menjadi ahli sahaja.
- 11.5. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan GPMS atau bertindak dalam cara yang mencemarkan nama baik GPMS bolehlah dipecat atau digantung keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Majlis Tertinggi setelah menerima laporan dari Cawangan di mana ahli itu menjadi ahli. Sebelum Majlis Tertinggi memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan ini hendaklah dilaksanakan melainkan Persidangan Agung menunda atau membatalkan keputusan itu, atas rayuan oleh ahli tersebut.
- 11.6. Sekiranya keadaan ini berlaku, Jawatankuasa Cawangan hendaklah menyediakan satu laporan kepada Majlis Tertinggi mengapa ahli tersebut perlu diambil tindakan. Keputusan tindakan ke

atas ahli yang terlibat hendaklah dibuat dalam mesyuarat Majlis Tertinggi dengan suara majoriti.

- 11.7. Walau bagaimanapun sebelum Majlis Tertinggi memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan itu terlebih dahulu secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya serta membuat rayuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dibuat. Majlis Tertinggi hendaklah memberi pertimbangan ke atas rayuan ahli yang terlibat. Keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad. Majlis Tertinggi boleh mengikut budi bicaranya menurunkan kuasa pemecatan dan penggantungan ahli-ahli kepada Jawatankuasa Negeri/Cawangan.

## **12. SUSUNAN PENTADBIRAN**

12.1. Susunan pentadbiran GPMS ini adalah seperti berikut :

- (a) Pusat :
  - i. Majlis Tertinggi
  - ii. Majlis Presiden
- (b) Negeri :
  - Jawatankuasa Negeri
- (c) Cawangan :
  - Jawatankuasa Cawangan
- (d) Cawangan Khas :
  - Jawatankuasa Cawangan Khas

12.2. Majlis Tertinggi adalah badan pentadbir tertinggi dalam GPMS. Majlis Tertinggi mempunyai kuasa pentadbiran, mengawal selia dan membuat sebarang keputusan bagi keseluruhan hal ehwal pentadbiran, kegiatan dan keahlian GPMS ini terhadap sesuatu yang tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan keputusan Persidangan Agung.

12.3. Jawatankuasa Negeri adalah majlis pentadbir yang melaksana dan menyokong segala keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi.

12.4. Jawatankuasa Cawangan merupakan badan pentadbir di peringkat cawangan masing-masing. Kuasa Jawatankuasa Cawangan adalah tertakluk kepada keputusan Persidangan Agung dan arahan Majlis Tertinggi.

12.5. Majlis Presiden adalah badan penasihat kepada Majlis Tertinggi. Majlis Presiden adalah terdiri daripada sepuluh (10) orang Ahli Majlis Tertinggi dan semua Pengerusi GPMS Negeri atau wakilnya. Majlis Presiden hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Notis mesyuarat Majlis Presiden hendaklah dikeluarkan 14 hari sebelum mesyuarat diadakan dan korum kehadirannya adalah setengah daripada jumlah Ahli Majlis Presiden. Pengerusi dan Setiausaha Majlis Presiden ditentukan oleh Mesyuarat Majlis Presiden Kali Pertama berdasarkan majoriti.

## **13. PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN GPMS**

13.1. Pengelolaan GPMS terserah kepada Persidangan Agung yang mengandungi :

- a) Ahli Majlis Tertinggi
- b) Perwakilan GPMS Negeri
- c) Perwakilan Ahli Gabungan GPMS
- d) Perwakilan GPMS Cawangan
- e) Perwakilan Cawangan Khas

13.2. Bilangan Perwakilan adalah seperti berikut :

- a) Ahli Majlis Tertinggi yang terdiri dari semua pemegang jawatan semasa dalam Majlis Tertinggi
- b) Perwakilan GPMS Negeri terdiri dari lima (5) orang wakil
- c) Perwakilan GPMS Cawangan terdiri dari tiga (3) orang wakil
- d) Perwakilan Ahli Gabungan GPMS terdiri dari tiga (3) orang wakil
- e) Perwakilan GPMS Cawangan Khas terdiri dari dua (2) orang wakil

13.3. Perwakilan GPMS Negeri/Cawangan hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Negeri/Cawangan. Tempoh perwakilan ini adalah bergantung kepada Jawatankuasa Negeri/Cawangan di mana jawatankuasa tersebut berhak membuat sebarang perubahan, gantian atau tukaran dengan syarat sebarang perubahan dalam perwakilan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh mana-mana Persidangan diadakan.

13.4. Perwakilan bagi pertubuhan Ahli Gabungan hendaklah ditentukan oleh pertubuhan itu sendiri dari segi cara penentuan dan pemilihan. Pertubuhan Ahli Gabungan berhak membuat sebarang perubahan, gantian atau tukaran dengan syarat sebarang perubahan dalam perwakilan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi GPMS tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh mana-mana Persidangan diadakan.

13.5. Ahli Majlis Tertinggi yang memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi tidak boleh dilantik menjadi perwakilan Cawangan/ Negeri atau Perwakilan Ahli Gabungan. Ahli Majlis Tertinggi yang hadir dalam Persidangan Agung GPMS adalah menjadi perwakilan secara automatik atas sifat jawatannya seperti Fasal 13.1 (a) dan berkuasalah ia mengundi dan diundi.

13.6. Korum persidangan Agung Tahunan dianggap cukup jika perwakilan yang hadir berjumlah lebih dari setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jumlah perwakilan layak hadir dan berhak mengundi mengikut Fasal 13.2 atau dua (2) kali bilangan Ahli Majlis Tertinggi mengikut mana yang terkurang.

13.7. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk Persidangan, maka Persidangan itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang lain tidak lebih dari 30 hari sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi. Sekiranya korum

tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk Persidangan yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan Persidangan tetapi tidaklah berkuasa mengubah Perlembagaan GPMS dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

13.8. Persidangan Agung Tahunan bagi GPMS hendaklah diadakan secepat mungkin setelah berakhir tahun kewangan setiap tahun tidak lewat dari bulan Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi. Kerja-kerja Persidangan Agung Tahunan ialah :-

- a) Melantik seorang Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap untuk tempoh tiga (3) tahun.
- b) Menerima dan mengesahkan korum Persidangan.
- c) Perlantikan Jawatankuasa Kecil Tauliah, Usul, Pemandu, Pindaan Perlembagaan, Pilihanraya dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil lain yang difikirkan perlu.
- d) Ucapan Dasar Presiden.
- e) Membahaskan Ucapan Dasar Presiden.
- f) Mengesah dan meluluskan Peringatan Persidangan Agung yang lalu.
- g) Membenteng dan menerima Laporan Tahunan.
- h) Membenteng dan mengesahkan Laporan Kewangan.
- i) Membenteng usul Pindaan Perlembagaan GPMS (jika ada).
- j) Melantik Ahli Majlis Tertinggi untuk tempoh tiga (3) tahun.
- k) Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira untuk tiga (3) tahun termasuk Juru Audit luar bertauliah (jika perlu).
- l) Memilih tempat Persidangan Agung yang akan datang.
- m) Ucapan Penangguhan.

13.9. Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap Cawangan, Negeri dan Ahli Gabungan yang berhak menghantar perwakilan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Persidangan Agung Tahunan diadakan, satu agenda termasuk salinan Peringatan Mesyuarat dan Laporan beserta dengan Penyata Kira-kira Tahunan GPMS bagi tahun lalu yang telah diauditkan. Jawatankuasa Cawangan, Negeri termasuk pertubuhan Ahli Gabungan hendaklah menyampaikan notis ini kepada setiap perwakilan. Salinan surat-surat, agenda dan juga laporan yang berkaitan dengan mesyuarat boleh juga dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan GPMS Kebangsaan atau pada hari Persidangan diadakan.

#### **14. PERSIDANGAN AGUNG KHAS**

14.1. Persidangan Agung Khas bagi GPMS ini boleh diadakan :-

- a) Bila difikirkan mustahak oleh Majlis Tertinggi ; atau
  - b) Atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada lima (5) GPMS Negeri yang berdaftar dan berhak menghantar perwakilan untuk mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung.
- 14.2. Persidangan Agung Khas yang diminta oleh GPMS Negeri hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 14.3. Pengumuman dan agenda untuk Persidangan Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua perwakilan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk Persidangan.
- 14.4. Fasal 13.6 dan 13.7 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Persidangan Agung Tahunan GPMS Kebangsaan boleh digunakan untuk Persidangan Agung Khas GPMS, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Persidangan Agung Khas atas permintaan ahli-ahli, maka Persidangan itu hendaklah dibatalkan. Dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh ini Persidangan Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

## 15. MAJLIS TERTINGGI

- 15.1. Satu Jawatankuasa yang dinamakan Majlis Tertinggi GPMS hendaklah dilantik tiga (3) tahun sekali di dalam Persidangan Agung Tahunan :-

Seorang Presiden  
 Seorang Timbalan Presiden  
 Tiga (3) orang Naib Presiden  
 Seorang Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Presiden)  
 Seorang Setiausaha Agung  
 Seorang Penolong Setiausaha Agung  
 Seorang Bendahari Agung  
 Seorang Ketua Penerangan  
 Dua belas (12) orang Ahli Majlis Tertinggi  
 Seorang Wakil Kementerian Belia dan Sukan (Ex-officio)  
 Seorang Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (Ex-officio)

- 15.2. Nama untuk jawatan di Fasal 15.1. di atas kecuali jawatan Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Presiden), Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan enam (6) orang Ahli Majlis Tertinggi yang dilantik oleh Presiden hendaklah dipilih secara pengundian oleh perwakilan-perwakilan di dalam Persidangan Agung Tahunan.
- 15.3. Jawatan Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Presiden), Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan enam (6) Ahli Majlis Tertinggi adalah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Majlis Tertinggi GPMS selepas Persidangan Agung Tahunan diadakan. Sekiranya perlantikan itu dibuat dari kalangan Ahli

Majlis Tertinggi yang dipilih di dalam Persidangan Agung Tahunan maka jawatan di dalam Majlis Tertinggi GPMS itu dianggap kosong dan berkuasalah Majlis Tertinggi melantik ganti seperti Fasal 15.8.

- 15.3A. **Kesemua penjawat jawatan di dalam klausa 15.1. hendaklah terdiri daripada ahli yang sah berdaftar sebagai ahli GPMS yang berumur tidak kurang 15 tahun dan tidak lebih 40 tahun pada pemilihan dan/atau perlantikan dibuat mengikut mana-mana klausa atau fasal perlantikan dan pemilihannya**
- 15.3B. **Peruntukan di dalam klausa 15.3.A adalah terpakai kepada kesemua dan setiap Jawatankuasa GPMS Negeri dan Jawatankuasa Cawangan.**
- 15.4. Cara pengundian yang dijalankan adalah tertakluk kepada Majlis Tertinggi yang mentadbir Persidangan Agung tersebut. Cara dan format penamaan calon yang akan bertanding adalah di bawah bidangkuasa tadbir Majlis Tertinggi semasa. Pengundian akan dibuat pada hari mesyuarat pemilihan diadakan.
- 15.5. Pekerjaan Majlis Tertinggi ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian GPMS dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan GPMS dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Persidangan Agung. Majlis Tertinggi seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Persidangan Agung ahli-ahli dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Majlis Tertinggi mestilah sentiasa taat kepada keputusan Persidangan Agung. Majlis Tertinggi hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Persidangan Agung Tahunan.
- 15.6. Majlis Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada lima (5) orang ahli Majlis Tertinggi bersama-sama boleh memanggil supaya boleh diadakan mesyuarat Majlis Tertinggi bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Majlis Tertinggi yang dipilih dalam Persidangan Agung Tahunan hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat. Dalam setiap Mesyuarat Majlis Tertinggi, Presiden boleh menjemput hadir Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap serta wakil Kementerian Belia dan Sukan dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun kehadiran mereka tidak dianggap mencukupkan korum dan tidak berkuasa untuk membuat sebarang pengundian.
- 15.7. Ahli Majlis Tertinggi yang mungkir menghadiri Mesyuarat Majlis Tertinggi tiga (3) kali tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi.
- 15.8. Jika seorang Ahli Majlis Tertinggi meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau digugur dari jawatannya atau hilang haknya, maka berkuasalah Majlis Tertinggi melantik ahli yang lain bagi memenuhi kekosongan itu sehingga Persidangan Agung Tahunan diadakan.
- 15.9. Majlis Tertinggi boleh memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan GPMS, dan melantik pengurus dan kakitangan bergaji yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Majlis Tertinggi atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan GPMS.

- 15.10 Majlis Tertinggi boleh menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau Biro-biro tertentu jika perlu.
- 15.11 Majlis Tertinggi berkuasa meluluskan sebarang elaun kepada mana-mana Ahli Majlis Tertinggi yang menjalankan tugas GPMS atau memberi perkhidmatannya sebagai insentif. Jumlah bayaran hendaklah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi terlebih dahulu.

## **16. TUGAS PEMEGANG JAWATAN MAJLIS TERTINGGI**

- 16.1 Presiden, dalam masa memegang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Majlis Tertinggi dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dalam Majlis Tertinggi dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan
- 16.2 Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya dan membantu Presiden menjalankan tugasnya.
- 16.3 Naib-Naib Presiden hendaklah membantu Presiden dan Timbalan Presiden menjalankan tugasnya dan salah seorang daripadanya hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaan Timbalan Presiden. Manakala Naib Presiden (Sekretariat Hal Ehwal Wanita) bertanggungjawab melaksanakan semua program dan aktiviti yang berkaitan dengan gadis dan wanita.
- 16.4 Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja pentadbiran GPMS mengikut Perlembagaan GPMS dan hendaklah ia menjalankan perintah Persidangan Agung dan Majlis Tertinggi. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua dokumen kecuali dokumen kewangan. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan buku daftar cawangan dan buku daftar ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Persidangan Agung Tahunan diadakan menghantar penyata GPMS kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
- 16.5 Penolong Setiausaha Agung hendaklah menjalankan arahan Setiausaha Agung dan melaksanakan kerja pentadbiran mengikut Perlembagaan GPMS ketika ketiadaan Setiausaha Agung.
- 16.6 Bendahari Agung adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan GPMS. Ia hendaklah membuat dan menyimpan Kira-Kira berkenaan dan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesahihannya.
- 16.7 Ketua Penerangan merupakan pegawai penerangan yang bertanggungjawab di atas kesempurnaan kegiatan penerangan dan melaksanakan arahan yang berkaitan oleh Majlis Tertinggi.
- 16.8 Ahli Majlis Tertinggi Biasa hendaklah membantu Majlis Tertinggi menjalankan tugas yang diarah olehnya.
- 16.9 Pengerusi Tetap hendaklah mempengerusikan semua Persidangan Agung GPMS dan memastikan kesempurnaan perjalanannya. Pengerusi Tetap mempunyai undi pemutus dalam sebarang Persidangan Agung yang diadakan.

- 16.10 Timbalan Pengerusi Tetap akan membantu tugas-tugas Pengerusi Tetap dan memangku tugas Pengerusi Tetap semasa ketiadaannya. Sekiranya beliau menjadi Pengerusi mana-mana Persidangan Agung maka beliau juga mempunyai kuasa undi pemutus.
- 16.11 Wakil Kementerian Belia dan Sukan dan wakil Kementerian Pendidikan akan bertindak sebagai penasihat kepada aktiviti GPMS yang bersangkutan dengan dasar kementeriannya. Mereka tidak mempunyai kuasa mengundi.

## **17. PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN**

- 17.1 Majlis Tertinggi boleh menubuhkan Cawangan-cawangan dengan syarat seperti berikut :
- a) Cawangan boleh ditubuhkan dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya 25 orang Ahli biasa.
  - b) GPMS Negeri boleh ditubuhkan di dalam sebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya tiga (3) cawangan.
- 17.1A. **Semua Cawangan, Cawangan Khas dan Negeri hendaklah secara sah berdaftar di dengan Pendaftar Belia sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 serta tertakluk kepada setiap dan segala peruntukan di dalamnya.**
- 17.2 Penubuhan Cawangan-cawangan dan GPMS Negeri hendaklah dibenarkan secara bertulis dari Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- 17.3 Majlis Tertinggi boleh membubarkan mana-mana Cawangan jika
- a) Mana-mana Cawangan terdapat kurang dari 25 orang ahli biasa yang berhak mengundi di kawasan tersebut.
  - b) Mana-mana GPMS Negeri terdapat kurang daripada tiga (3) Cawangan.
  - c) Mana-mana Cawangan yang tidak mematuhi undang-undang GPMS atau keputusan yang dibuat oleh Persidangan Agung Kebangsaan atau Majlis Tertinggi mendapatinya bersalah kerana perbuatannya mencemarkan nama GPMS atau menimbulkan sesuatu suasana yang boleh memecahbelahkan ahli GPMS atau kegiatannya menyimpang dari tujuan GPMS.
  - d) Jika Cawangan itu dianggap tidak aktif lagi.
- 17.4 Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah diputuskan dengan undi terbanyak di dalam Majlis Tertinggi, dengan syarat sebelum diambil tindakan membubarkan Cawangan berkenaan atas sebab yang disebutkan dalam Fasal 17.3 (c) di atas, Cawangan berkenaan hendaklah diberi satu peringatan atau notis selama 15 hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.
- 17.5 Perintah pembubaran Cawangan hendaklah ditandatangani oleh Presiden atau/dan Setiausaha Agung atau lain-lain pegawai kanan GPMS yang diberi kuasa oleh Majlis Tertinggi. Cawangan berkenaan tidak boleh bergerak mulai tarikh penerimaan surat

perintah pembubaran kecuali atas urusan penyelesaian. Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari setelah keputusan dibuat.

- 17.6 Setiap Cawangan yang musykil atas perintah tersebut boleh dengan kenyataan bertulis kepada Presiden atau Setiausaha Agung atau Majlis Tertinggi di dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan surat pembubaran tersebut membuat rayuan kepada Persidangan Agung. Dalam tempoh rayuan masih berkuatkuasa, sehingga dibatalkan maka dalam keadaan sedemikian Majlis Tertinggi boleh melantik satu Jawatankuasa Khas penjaga daripada ahli-ahli untuk menguruskan hal ehwal Cawangan itu sementara rayuan tersebut dapat dipertimbangkan.
- 17.7 Jika sesuatu Cawangan dibubarkan atas sebab yang disebutkan dalam Fasal 17.3 (a) dan 17.3 (d) maka Majlis Tertinggi boleh menyerapkan ahli-ahlinya yang ada kepada Cawangan lain yang hampir sekali. Jika Cawangan dibubarkan atas sebab Fasal 17.3 (c) maka dengan sendirinya ahli-ahli Cawangan terlibat terhenti menjadi ahli GPMS.

## **18. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN NEGERI**

- 18.1 Mesyuarat Agung Tahunan Negeri hendaklah diadakan selewat-lewatnya tidak kurang dari 21 hari dari tarikh yang ditetapkan untuk Persidangan Agung Tahunan GPMS Kebangsaan.
- 18.2 Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan Negeri ialah :-
  - a) Melantik seorang Pengerusi dan Setiausaha Mesyuarat Agung.
  - b) Menerima dan mengesahkan korum Mesyuarat Agung.
  - c) Mengesah dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung yang lalu.
  - d) Membenteng dan menerima Laporan Tahunan.
  - e) Membenteng dan mengesahkan Laporan Kewangan.
  - f) Membenteng usul Pindaan Perlembagaan GPMS (jika ada).
  - g) Melantik Ahli Jawatankuasa untuk tempoh tiga (3) tahun.
  - h) Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira untuk tiga (3) tahun.
  - i) Ucapan Penangguhan.
- 18.3 Setiausaha Negeri hendaklah menghantar kepada setiap Cawangan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Negeri diadakan, satu agenda termasuk salinan Peringatan Mesyuarat dan Laporan beserta dengan Penyata Kira-kira Tahunan Negeri bagi tahun yang lalu telah diauditkan. Jawatankuasa Negeri hendaklah menyampaikan notis tersebut kepada semua perwakilan. Salinan surat dan juga laporan berkaitan dengan mesyuarat boleh dibekalkan untuk dibaca oleh ahli di tempat urusan GPMS Negeri atau pada hari mesyuarat diadakan.
- 18.4 Setiap Mesyuarat Agung Tahunan Negeri hendaklah dihadiri oleh wakil daripada ahli Majlis Tertinggi. Sekiranya tiada wakil dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan Negeri maka

Negeri tersebut tidak layak menghantar perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan Kebangsaan.

18.5 Perwakilan yang layak hadir dan berhak mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri ialah :-

a) Jawatankuasa Negeri

b) Perwakilan Cawangan

- i Perwakilan Cawangan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Cawangan masing-masing selaras dengan Fasal 18.5 (b). Tempoh perwakilan ini berkuatkuasa untuk tiga (3) tahun. Jawatankuasa Cawangan berhak membuat sebarang perubahan, gantian atau tukaran dengan syarat sebarang perubahan dalam perwakilan Fasal 18.5 (b) hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Negeri tidak lewat dari tiga (3) hari sebelum tarikh mana-mana Mesyuarat Agung diadakan.
- ii Bilangan Perwakilan Cawangan yang layak menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Negeri ialah seramai sepuluh (10) orang.
- iii Bilangan Perwakilan Ahli Gabungan ialah seramai tiga (3) orang.
- iv Ahli Jawatankuasa Negeri atau Wakil Cawangan yang memegang jawatan di peringkat Jawatankuasa Negeri tidak boleh dilantik menjadi perwakilan Cawangan atau wakil-wakil ahli. Ahli Jawatankuasa Negeri yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri dan Mesyuarat Agung Khas Negeri adalah menjadi perwakilan secara automatik atas sifat jawatannya seperti Fasal 20.1. dan berkuasalah ia mengundi dan diundi.
- v Korum Mesyuarat Agung Tahunan Negeri dianggap cukup jika perwakilan yang hadir berjumlah lebih dari setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jumlah perwakilan bagi semua Cawangan yang layak hadir dan berhak mengundi mengikut Fasal 18.5. atau dua (2) kali bilangan ahli Jawatankuasa Negeri mengikut mana yang terkurang.
- vi Jika korum tidak cukup selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang lain tidak lebih daripada 30 hari seperti mana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri. Sekiranya korum tidak cukup selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua Cawangan.
- vii Ahli-ahli yang bukan perwakilan boleh hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri sebagai pemerhati atas budibicara dan kebenaran Jawatankuasa Negeri. Pemerhati tidak boleh mengundi dan diundi tetapi boleh memberi pandangan dan bercakap dengan kebenaran Jawatankuasa Negeri.

## **19. MESYUARAT AGUNG KHAS NEGERI**

19.1. Mesyuarat Agung Khas Negeri ini boleh diadakan :-

- a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Negeri ; atau
  - b) Atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada setengah ( $\frac{1}{2}$ ) daripada jumlah Cawangan yang berdaftar dan berhak menghantar perwakilan untuk mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Negeri.
- 19.2. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh Cawangan hendaklah diadakan pada suatu tarikh di dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 19.3. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas Negeri itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Negeri kepada semua perwakilan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat.
- 19.4. Sekiranya setelah menerima permintaan yang mencukupi mengikut Fasal 19.1 (b), Jawatankuasa Negeri enggan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas Negeri tanpa memberi alasan yang munasabah, maka Cawangan-cawangan yang meminta mesyuarat itu diadakan boleh merayu kepada Majlis Tertinggi untuk penyelesaian, keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.
- 19.5. Fasal 18.5 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Khas Negeri boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Negeri, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan Cawangan-cawangan, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan. Dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan Cawangan-cawangan dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

## **20. JAWATANKUASA NEGERI**

- 20.1 Satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa GPMS Negeri hendaklah dilantik tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan :-

Seorang Pengerusi  
 Seorang Timbalan Pengerusi  
 Tiga (3) Orang Naib Pengerusi  
 Seorang Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Pengerusi)  
 Seorang Setiausaha  
 Seorang Penolong Setiausaha  
 Seorang Bendahari  
 Seorang Ketua Penerangan  
 Dua belas (12) Orang Ahli Jawatankuasa Kerja  
 Semua Yang Dipertua atau wakil Yang Dipertua Cawangan  
 Seorang Wakil Jabatan Belia dan Sukan Negeri (Ex-officio)  
 Seorang Wakil Jabatan Pendidikan Negeri (Ex-officio)

- 20.2 Nama untuk jawatan di Fasal 20.1 di atas kecuali jawatan Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Pengerusi), Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan enam (6) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi hendaklah dipilih secara pengundian oleh perwakilan-perwakilan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

- 20.3 Jawatan Pengerusi akan dilantik oleh Majlis Tertinggi. Jawatan Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita (bertaraf Naib Pengerusi), Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan adalah dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa GPMS selepas Mesyuarat Agung Tahunan Negeri diadakan. Sekiranya perlantikan itu dibuat dari kalangan Ahli Jawatankuasa yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan maka jawatan di dalam Jawatankuasa Kerja GPMS itu dianggap kosong dan berkuasalah Jawatankuasa Kerja GPMS melantik ganti seperti Fasal 20.8.
- 20.4 Cara pengundian yang dijalankan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Negeri yang mentadbir Mesyuarat tersebut. Walaubagaimanapun pencalonan dan pengundian akan dibuat pada hari mesyuarat pemilihan diadakan.
- 20.5 Pekerjaan Jawatankuasa Negeri ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Negeri seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Negeri hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.
- 20.6 Jawatankuasa Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Negeri bersama-sama boleh memanggil supaya boleh diadakan mesyuarat Jawatankuasa Negeri pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah ( $\frac{1}{2}$ ) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 20.7 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Negeri tiga (3) kali tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Negeri.
- 20.8 Jika seorang ahli Jawatankuasa Negeri meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau digugur dari jawatannya maka berkuasalah Jawatankuasa Negeri melantik ahli yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Negeri diadakan. Dalam keadaan di mana lebih dari setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jumlah Ahli Jawatankuasa Negeri meletak jawatan secara beramai-ramai atau serentak adalah menjadi tugas Majlis Tertinggi untuk mengambil alih atau mentadbir sementara Negeri terlibat. Majlis Tertinggi kemudiannya boleh menguruskan supaya diadakan satu Mesyuarat Agung untuk memilih jawatankuasa yang baru.
- 20.9 Jawatan Kuasa Negeri boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan GPMS, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Negeri atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan GPMS.

## **21. TUGAS PEMEGANG JAWATAN JAWATANKUASA NEGERI**

- 21.1 Pengerusi, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.
- 21.2 Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya dan Naib-Naib Pengerusi hendaklah membantu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi menjalankan tugasnya dan salah seorang daripadanya hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaan Timbalan Pengerusi. Manakala Naib Pengerusi (Ketua Sekretariat Hal Ehwal Wanita) bertanggungjawab melaksanakan semua program dan aktiviti yang berkaitan dengan gadis dan wanita.
- 21.3 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran GPMS mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung perwakilan dan Jawatankuasa Negeri. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua dokumen kecuali kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha hendaklah dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Negeri diadakan mengirimi Penyata Tahunan Negeri kepada Setiausaha Agung untuk tindakan seterusnya.
- 21.4 Penolong Setiausaha hendaklah menjalankan arahan Setiausaha dan melaksanakan kerja pentadbiran mengikut Perlembagaan GPMS ketika ketiadaan Setiausaha.
- 21.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan GPMS. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesahihannya.
- 21.6 Ketua Penerangan merupakan pegawai penerangan yang bertanggungjawab di atas kesempurnaan kegiatan penerangan dan melaksanakan arahan yang berkaitan oleh Jawatankuasa.
- 21.7 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa Negeri menjalankan tugas yang diarah olehnya.
- 21.8 Wakil semua Cawangan hendaklah melaksanakan segala keputusan dan arahan Jawatankuasa Negeri di cawangan-cawangannya. Di samping itu, wakil semua Cawangan hendaklah melaporkan setiap perancangan dan pelaksanaan program di cawangan masing-masing kepada Jawatankuasa Negeri.
- 21.9 Wakil Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri akan bertindak sebagai penasihat kepada aktiviti GPMS yang bersangkutan dengan dasar Jabatannya.

## **22. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN**

- 22.1 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhir tahun kewangan setiap tahun sekali tidak terlewat dari April pada tarikh, masa, tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan.

22.2 Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan ialah :-

- a) Melantik seorang Pengerusi dan Setiausaha Mesyuarat Agung.
- b) Menerima dan mengesahkan korum Mesyuarat Agung.
- c) Mengesah dan meluluskan Mesyuarat Agung lalu.
- d) Membenteng dan menerima Laporan Tahunan.
- e) Membenteng dan mengesahkan Laporan Kewangan.
- f) Membenteng usul Pindaan Perlembagaan GPMS (jika ada).
- g) Melantik Ahli Jawatankuasa untuk tempoh dua (2) tahun.
- h) Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira untuk dua (2) tahun.
- i) Ucapan Penangguhan.

22.3 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Cawangan diadakan, satu agenda termasuk salinan Peringatan Mesyuarat dan Laporan beserta dengan Penyata Kira-kira Cawangan bagi tahun lalu yang telah diauditkan. Salinan surat-surat dan juga laporan berkaitan dengan mesyuarat boleh juga dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan GPMS Cawangan atau pada hari mesyuarat diadakan.

22.4 Korum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dianggap cukup jika ahli-ahli yang hadir berjumlah lebih dari setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali bilangan ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut mana yang terkurang.

22.5 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang lain tidak lebih daripada 30 hari sepertimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan. Sekiranya korum tidak cukup selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan yang melibatkan semua ahli.

22.6 Setiap Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah dihadiri oleh wakil daripada Majlis Tertinggi. Sekiranya tiada wakil di dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan maka cawangan berkenaan tidak layak menghantar perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan Kebangsaan.

### **23. MESYUARAT AGUNG KHAS CAWANGAN**

23.1 Mesyuarat Agung Khas Cawangan ini boleh diadakan :-

- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Cawangan ; atau

- (b) Atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada setengah ( $\frac{1}{2}$ ) daripada jumlah ahli yang berdaftar dan berhak untuk mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Cawangan.
- 23.2 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 23.3 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Cawangan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.
- 23.4 Sekiranya setelah menerima permintaan yang mencukupi mengikut Fasal 23.1 (b), jika Jawatankuasa Cawangan enggan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas tanpa memberi alasan yang munasabah, maka ahli yang meminta Mesyuarat Khas itu diadakan boleh merayu kepada Jawatankuasa GPMS Negeri untuk penyelesaian, keputusan Jawatankuasa GPMS Negeri adalah muktamad.
- 23.5 Fasal 22.4 dan 22.5 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah ( $\frac{1}{2}$ ) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Khas atas permintaan ahli-ahli cawangan, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan. Dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

## **24. JAWATANKUASA CAWANGAN**

- 24.1 Satu Jawatankuasa yang dinamakan Ahli Jawatankuasa GPMS Cawangan hendaklah dilantik dua (2) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan :-

Seorang Yang Dipertua  
Seorang Timbalan Yang Dipertua  
Tiga (3) Orang Naib Yang Dipertua  
Seorang Setiausaha  
Seorang Penolong Setiausaha  
Seorang Bendahari  
Seorang Ketua Penerangan  
Dua Belas (12) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa  
Seorang wakil Pejabat Belia dan Sukan Daerah (Ex-officio)  
Seorang wakil Pejabat Pendidikan Daerah (Ex-officio)

- 24.2 Nama untuk jawatan di Fasal 24.1. di atas kecuali Jawatan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan enam (6) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli-ahli setiap dua (2) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Semua pegawai boleh dilantik semula. Ex-officio hendaklah dipersetujui secara bertulis dari Pejabat yang berkenaan.

- 24.3 Jawatan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan enam (6) Ahli Jawatankuasa Biasa adalah dilantik oleh Yang Dipertua dengan persetujuan Jawatankuasa Cawangan selepas Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Sekiranya perlantikan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dibuat di kalangan Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan maka jawatan di dalam Jawatankuasa Biasa itu dianggap kosong dan berkuasalah Jawatankuasa Cawangan melantik ganti seperti Fasal 24.7.
- 24.4 Tugas Jawatankuasa Cawangan ialah mengelola dan mengaturkan tugas harian GPMS di peringkat Cawangan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan GPMS dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Cawangan seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung ahli dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Cawangan mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Cawangan hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
- 24.5 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Yang Dipertua dengan bersendirian atau tidak kurang dari lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Cawangan bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa Cawangan pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah ( $\frac{1}{2}$ ) daripada bilangan ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 24.6 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Cawangan tiga (3) kali tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Cawangan.
- 24.7 Jika seorang ahli Jawatankuasa Cawangan meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau digugur dari jawatannya, maka berkuasalah Jawatankuasa Cawangan melantik ahli yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga pemilihan diadakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Dalam keadaan di mana lebih dari setengah ( $\frac{1}{2}$ ) bilangan ahli Jawatankuasa meletak jawatan beramai-ramai maka Jawatankuasa Negeri berkuasa mengambil alih fungsi Jawatankuasa Cawangan dan seterusnya adalah tugas Jawatankuasa Negeri memanggil satu Mesyuarat Agung bagi melantik jawatankuasa baru.
- 24.8 Jawatankuasa Cawangan boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan GPMS, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Cawangan atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan GPMS.

## **25. TUGAS PEMEGANG JAWATAN JAWATANKUASA CAWANGAN**

- 25.1 Yang Dipertua, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi di semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.

- 25.2 Timbalan Yang Dipertua hendaklah memengku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya dan membantu Yang Dipertua menjalankan tugasnya.
- 25.3 Naib-naib Yang Dipertua hendaklah memengku jawatan Yang Dpertua semasa ketiadaannya dan membantu Yang Dipertua menjalankan tugasnya.
- 25.4 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran GPMS mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Cawangan. Beliau hendaklah menyimpan buku daftar ahli. Beliau hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha hendaklah dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim Penyata Tahunan Cawangan kepada Setiausaha Negeri untuk tindakan seterusnya.
- 25.5 Penolong Setiausaha hendaklah menjalankan arahan Setiausaha dan melaksanakan kerja pentadbiran mengikut Perlembagaan GPMS ketika ketiadaan Setiausaha.
- 25.6 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan GPMS. Ia hendaklah membuat dan menyimpan Kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab ke atas kesahihannya.
- 25.7 Ketua Penerangan merupakan pegawai penerangan yang bertanggungjawab di atas kesempurnaan kegiatan penerangan dan melaksanakan arahan yang berkaitan oleh Jawatankuasa Cawangan.
- 25.8 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa Cawangan menjalankan tugas yang diarah olehnya.

## **26. PEMEGANG JAWATAN**

- 26.1 Pemegang-pemegang jawatan dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas dalam GPMS ini sama ada di peringkat Kebangsaan, Negeri atau Cawangan hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- 26.2 Pemegang jawatan di peringkat Majlis Tertinggi boleh memegang jawatan di mana-mana peringkat Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan dan begitulah sebaliknya.

## **27. KEWANGAN GPMS**

- 27.1 Wang GPMS ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan GPMS, termasuklah pentadbiran, bayar gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa Kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.
- 27.2 Kuasa-kuasa dan peraturan pengurusan kewangan bagi GPMS adalah seperti berikut :

### **27.2.1. Peringkat Kebangsaan :**

- a) Bendahari Agung dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih dari RM 1,000.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dimasukkan ke

dalam bank yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi. Akaun bank itu hendaklah di atas nama GPMS.

- b) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun GPMS hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan iaitu Presiden, Bendahari Agung atau Setiausaha Agung.
- c) Perbelanjaan yang lebih dari RM 10,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis Tertinggi, dan perbelanjaan yang lebih dari RM 150,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Persidangan Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang dari RM 10,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- d) Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung boleh membuat perbelanjaan rasmi Persatuan tidak melebihi RM 10,000.00 pada sesuatu masa dan melaporkannya ke Majlis Tertinggi untuk kelulusan dan pengesahan.
- e) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta Kunci Kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Agung dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit luar bertauliah yang dilantik seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Persidangan Agung GPMS Kebangsaan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi GPMS.

#### 27.2.2. Peringkat Negeri :

- a) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih dari RM 500.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Negeri. Akaun bank itu hendaklah di atas nama GPMS Negeri.
- b) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun GPMS hendaklah ditangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan berikut iaitu Pengerusi, Bendahari atau Setiausaha.
- c) Perbelanjaan yang lebih dari RM 3,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Negeri, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 20,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang RM 3,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha dan Bendahari.
- d) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta Kunci Kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit luar yang dilantik dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diauditkan itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan Negeri yang berikut dan

salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi GPMS.

#### 27.2.3. Peringkat Cawangan :

- a) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih dari RM 300.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Cawangan. Akaun bank itu hendaklah di atas nama GPMS Cawangan.
- b) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun GPMS hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan berikut iaitu Yang Dipertua, Bendahari atau Setiausaha.
- c) Perbelanjaan yang lebih dari RM 1,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Cawangan, dan perbelanjaan yang lebih dari RM 10,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang RM 1,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari.
- d) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta Kunci Kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira atau Juruaudit luar yang dilantik dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi GPMS.

27.3 Mana-mana Ahli Jawatankuasa atau ahli yang membuat perbelanjaan pendahuluan atau perbelanjaan atas urusan rasmi GPMS boleh membuat tuntutan dari pihak GPMS mengikut peringkat masing-masing.

27.4 Tahun Kewangan GPMS sama ada di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Cawangan hendaklah bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

## **28. PEMERIKSA KIRA-KIRA**

28.1 Dua (2) orang yang bukannya pegawai GPMS boleh dilantik di dalam Persidangan Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama tiga (3) tahun dan tidak boleh dilantik semula. Jika perlu pihak Majlis Tertinggi boleh melantik Juruaudit luar bagi mengaudit akaun GPMS.

28.2 Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa Kira-kira GPMS bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Persidangan Agung Tahunan. Mereka harus juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden atau Majlis Tertinggi mengaudit kira-kira GPMS bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Majlis Tertinggi.

28.3 Selaras dengan Fasal 28.1. dan 28.2. Pemeriksa Kira-kira di Peringkat Negeri dan Cawangan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung peringkat masing-masing. Tempoh perantikan Pemeriksa Kira-kira bagi Negeri dan Cawangan hendaklah mengikut Fasal 18.2 (c)

dan 22.2 (2) ialah tiga (3) tahun untuk Negeri dan dua (2) tahun untuk Cawangan. Pihak Jawatankuasa di peringkat Negeri dan Cawangan boleh melantik Juruaudit luar jika perlu.

## **29. PENTADBIR HARTA**

- 29.1 Semua harta GPMS hendaklah dinamakan atas nama GPMS. Pemegang jawatan semasa dalam Majlis Tertinggi iaitu Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung hendaklah dilantik menjadi Pegawai Pentadbir Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966. Kepada mereka diamanahkan semua harta kepunyaan GPMS tanpa persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Persidangan Agung.
- 29.2 Pegawai Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan GPMS tanpa persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Persidangan Agung.
- 29.3 Harta-harta di peringkat Cawangan dan Negeri hendaklah tertakluk kepada Fasal 29.1. Semua harta Cawangan dan Negeri adalah merupakan harta GPMS dan ditadbirkan oleh Pentadbir Harta di Fasal 29.1.
- 29.4 Sekiranya seseorang pegawai Pentadbir Harta itu tidak lagi memegang jawatan dalam GPMS seperti Fasal 29.1, maka kuasanya dengan sendiri terlucut. Majlis Tertinggi boleh melantik ganti pegawai Pentadbir Harta selaras dengan Fasal 15.8.

## **30 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

- 30.1 Di antara persidangan-persidangan perwakilan, Majlis Tertinggi boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagan ini dan Majlis Tertinggi jika mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini.
- 30.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Persidangan Agung, keputusan Majlis Tertinggi terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh Persidangan Agung.

## **31. LARANGAN**

- 31.1 Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam permiss GPMS : Roulette, Lotto, Fan, Tan, Poh, Peh, Bin, Belangkai, Pau Kau, Tau Ngau, Tien Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game, video game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- 31.2 GPMS atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
- 31.3 GPMS ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama GPMS atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

- 31.4 Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli GPMS kecuali telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.
- 31.5 Seorang ahli yang memegang jawatan dalam GPMS ini sama ada di peringkat kebangsaan, negeri ataupun cawangan tidak dibenarkan memegang jawatan dalam lain-lain pertubuhan Ahli Gabungan GPMS.
- 31.6 **Tertakluk kepada setiap dan segala peruntukan yang termaktub di dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 serta peraturan semasa yang dikuatkuasakan oleh badan yang mengawal selia pertubuhan belia.**

## **32. PINDAAN UNDANG-UNDANG**

- 32.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Persidangan Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan ini hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan Persidangan Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **33. PENGELUARAN NOTIS MESYUARAT**

- 33.1 Bagi mengelakkan sebarang pertikaian dalam pentadbiran GPMS, dalam keadaan di mana Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung tidak ada atau tidak lagi mampu menjalankan tugasnya dengan sempurna atau enggan mengikut arahan atau engkar kepada Majlis Tertinggi maka Presiden boleh mengambil alih tugas dalam pengeluaran sebarang surat bagi notis atau pemberitahuan mesyuarat. Atau jika kedua-dua pemegang jawatan tersebut tidak ada maka Majlis Tertinggi berkuasa melantik sesiapa sahaja dari kalangan Ahli Majlis Tertinggi untuk menjalankan tugas tersebut.
- 33.2 Fasal 33.1. ini terpakai sekiranya perkara yang sama berlaku kepada Negeri dan Cawangan.

## **34. DISIPLIN**

- 34.1 Setiap ahli hendaklah mematuhi segala arahan, peraturan, tatatertib dan amalan umum dalam GPMS. Sekiranya terdapat ahli yang dianggap tidak berdisiplin oleh GPMS, maka tindakan mengikut Fasal 11.5. boleh diambil. Kuasa pemecatan dan menggantung ahli adalah kuasa Majlis Tertinggi.
- 34.2 Sekiranya terdapat pertikaian dalam GPMS ini, maka ahli yang tidak berpuashati boleh mengemukakan aduan bertulis kepada Majlis Tertinggi untuk mendapat pertimbangan dan penyelesaian. Majlis Tertinggi hendaklah bertindak secara adil dan saksama menyelesaikan sebarang pertikaian dalaman GPMS. Ahli tidak dibenarkan membawa sebarang pertikaian dalam GPMS melalui tindakan mahkamah sebelum diselesaikan secara dalaman. Sekiranya ahli terlibat berbuat demikian maka dengan sendirinya keahlian ahli berkenaan gugur.
- 34.3 Ahli tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan kepada pihak media massa. Kenyataan atau hubungan luar GPMS hanya boleh dibuat oleh Presiden atau Setiausaha Agung sahaja bagi peringkat kebangsaan. Manakala bagi peringkat Negeri dan Cawangan hanya Pengerusi/Yang Dipertua dan Setiausaha sahaja layak berbuat demikian dengan syarat

kenyataan tersebut berkaitan Negeri/Cawangan masing-masing sahaja. Walau bagaimanapun sebarang kenyataan hendaklah tidak bertentangan atau boleh mencemarkan GPMS.

### **35. PENAUNG DAN PENASIHAT**

- 35.1 Majlis Tertinggi boleh melantik orang-orang yang layak untuk menjadi Penasihat atau Penaung kepada GPMS ini di peringkat kebangsaan. Tempoh perlantikan Penasihat atau Penaung adalah tertakluk kepada budibicara Majlis Tertinggi.
- 35.2 Fasal 35.1 ini terpakai untuk perlantikan Penasihat dan Penaung di peringkat negeri dan cawangan masing-masing.


### **36. PEMBUBARAN**

- 36.1 GPMS ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi menghadiri dalam satu Persidangan Agung yang dipanggil khas kerananya.
- 36.2 Sekiranya GPMS hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan GPMS yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Persidangan Agung Khas.
- 36.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

### **37. CAWANGAN KHAS**

- 37.1 Cawangan Khas hanyalah boleh ditubuhkan di Institusi Pengajian Tinggi, Maktab Perguruan dan Kolej dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi berkenaan.
- 37.2 Cawangan Khas adalah di bawah pengawasan terus Majlis Tertinggi dan sebarang program yang dilaksanakan hendaklah mendapat kebenaran pihak pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi berkenaan dan Majlis Tertinggi terlebih dahulu.
- 37.3 Sistem pentadbiran Cawangan Khas adalah sama sebagaimana GPMS Cawangan Kecuali pemilihan Jawatankuasa hendaklah dibuat pada setiap tahun.

Perlembagaan ini diluluskan oleh Mesyuarat Agung Khas Pindaan Perlembagaan GPMS  
Pada 20 Disember 2008



.....  
**(DATO' REEZAL MERICAN NAINA MERICAN)**  
Presiden



.....  
**(JAIS ABDUL KARIM)**  
Naib Presiden 1

b/p: Mohd Nardin Awang  
Setiausaha Agung